

Dua suspek kes curi motosikal dicekup

1 Januari 2018

Dua suspek kes curi motosikal dicekup

BUKIT MERTAJAM – Polis menahan dua lelaki dipercayai anggota geng curi motosikal dalam satu serbuan di sebuah pondok di Perai di sini kelmarin. Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asistem Komisioner Nik Ros Azhan Nik Absioner Nik Ros berkata, penahanan dua suspek berusia 41 dan 48 tahun itu dibuat selepas polis menyerbu pondok berkenaan kira-kira pukul 7 malam.

“Semasa serbuan, kedua-dua lelaki itu sedang khayal akibat mengambil dadah dan polis turut merampas heroin seberat 2.54 gram bersama peralatan menghisap dadah bersama suspek,” katanya di sini semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan polis di pondok itu menemui dua motosikal yang dilaporkan hilang di Bukit Mertajam baru-baru ini. Siasatan mendapati kedua-dua suspek bersama seorang

ANTARA heroin yang ditemui bersama dua suspek.

lagi rakan mereka merupakan anggota geng curi motosikal dan pondok berkenaan dijadikan tempat simpanan kenderaan curi terbabit sebelum dijual.

“Selain menjual motosikal



DUA motosikal dirampas dalam serbuan di sebuah pondok di Perai, Bukit Mertajam kelmarin.

berkenaan, suspek turut meleraikan kenderaan itu dan menjual komponennya kepada geng mat rempit pada harga murah.

“Modus operandi mereka ialah mencuri motosikal yang

diparkir di kawasan pusat beli-belah dan menjual dengan harga murah. Dua lelaki yang bekerja sebagai buruh dan positif dadah itu kini direman untuk siasatan lanjut,” katanya. – Bernama